



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
BIL. 28 / 2025

URUSAN PENAMAAN CALON
PILIHAN RAYA UMUM (PRU)
DEWAN UNDANGAN SABAH KE-17

1. Hari ini telah dijalankan proses penamaan calon bagi Pilihan Raya Umum (PRU) Dewan Undangan Sabah Ke-17 di **25 Pusat Penamaan Calon (PPC)** yang melibatkan **73 kerusi Dewan Undangan** seluruh Negeri Sabah.
2. Selepas tempoh penamaan calon telah ditutup pada jam **10:00 pagi**, seramai **596 calon** mewakili pelbagai parti disahkan bertanding dalam PRU Dewan Undangan Sabah Ke-17.
3. Pecahan parti-parti bertanding adalah seperti seperti berikut:

BIL.	PARTI	JUMLAH
1.	BEBAS	74
2.	PARTI WARISAN SABAH (WARISAN)	73
3.	PARTI IMPIAN SABAH (PIS)	72

BIL.	PARTI	JUMLAH
4.	PARTI GABUNGAN RAKYAT SABAH (GRS)	55
5.	PARTI SOLIDARITI TANAH AIRKU (STARSABAH)	46
6.	BARISAN NASIONAL (BN)	45
7.	PERIKATAN NASIONAL (PN)	42
8.	PARTI KESEJAHTERAAN DEMOKRATIK MASYARAKAT (KDM)	40
9.	PERTUBUHAN KINABALU PROGRESIF BERSATU (UPKO)	25
10.	PAKATAN HARAPAN (PH)	22
11.	PARTI KEBANGSAAN SABAH (PKS)	20
12.	PARTI KERJASAMA ANAK NEGERI (ANAK NEGERI)	17
13.	PARTI PERPADUAN RAKYAT SABAH (PPRS)	16
14.	PARTI BUMI KENYALANG (PBK)	14
15.	PARTI RUMPUN SABAH (RUMPUN)	7

BIL.	PARTI	JUMLAH
16.	PARTI MAJU SABAH (SAPP)	6
17.	PARTI DAMAI SABAH (SPP)	5
18.	PERJUANGAN RAKYAT (PR)	5
19.	PERTUBUHAN GEMILANG ANAK SABAH (GAS)	3
20.	PARTI BANGSA MALAYSIA (PBM)	3
21.	PARTI ASPIRASI RAKYAT SARAWAK (ASPIRASI)	3
22.	PARTI PEJUANG TANAH AIR (PEJUANG)	1
23.	PARTI BERSATU SASA MALAYSIA (BERSAMA)	1
24.	PERTUBUHAN PERPADUAN RAKYAT KEBANGSAAN SABAH (PERPADUAN)	1
JUMLAH		596

Nota
Tiada Pencalonan Yang Ditolak

4. **Pertandingan Mengikut Penjuru**

Secara keseluruhannya, **bilangan pertandingan mengikut penjuru** adalah seperti berikut:

BIL.	PENJURU	BILANGAN DUN
1.	4 penjuru	2
2.	5 penjuru	8
3.	6 penjuru	13
4.	7 penjuru	10
5.	8 penjuru	8
6.	9 penjuru	10
7.	10 penjuru	9
8.	11 penjuru	6
9.	12 penjuru	2
10.	13 penjuru	4
11.	14 penjuru	1

5. **Calon Yang Bertanding Mengikut Jantina**

Bilangan **calon yang bertanding mengikut jantina** adalah seperti berikut:

BIL	JANTINA	JUMLAH
1.	Lelaki	525 orang
2.	Wanita	71 orang

6. **Calon Yang Bertanding Berdasarkan Umur**

- (i) Bilangan **calon yang bertanding berdasarkan julat umur** adalah seperti berikut:

BIL	JULAT UMUR	BILANGAN CALON
1.	20 - 29	8
2.	30 - 39	59
3.	40 - 49	146
4.	50 - 59	178
5.	60 dan ke atas	205

- (ii) Umur **calon tertua dan calon termuda yang bertanding** adalah seperti berikut:

BIL.	KATEGORI	UMUR CALON
1.	Umur Calon Tertua DUN N.40 Bingkor Parti Kebangsaan Sabah (PKS)	86 tahun
2.	Umur Calon Termuda DUN N.62 Silam Parti Kebangsaan Sabah (PKS)	24 tahun

7. **Tempoh Rasmi Berkempen**

Tempoh berkempen bermula selepas pengisytiharan pilihan raya dipertandingkan oleh pegawai pengurus sehingga jam **11.59 malam, 28 November 2025.**

8. SPR telah menubuhkan **86 Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PPKPR)** untuk memantau semua aktiviti calon bertanding ketika berkempen.

9. Untuk makluman, pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) juga telah membuka bilik gerakan yang beroperasi **selama 24 jam bermula dari 10 November 2025 sehingga 5 Disember 2025.** Bilik Gerakan SPRM beroperasi di **Pejabat SPRM Negeri di Kota Kinabalu (017-8478740/088-488381) dan Cawangan; cawangan Pejabat SPRM Sandakan (011-18669877 / 089-668746), Tawau (089-772743), Keningau (016-5771521 / 087-336761) serta Lahad Datu (089-868769).** Sebarang aduan berkaitan rasuah dan salah guna kuasa juga boleh disalurkan menerusi e-mel prnsabah@sprm.gov.my.

10. Calon-calon hendaklah membayar **deposit bahan kempen pilihan raya** serta tertakluk kepada undang-undang kecil mana-mana pihak berkuasa tempatan bagi tujuan **mempamer dan mengedarkan bahan kempen pilihan raya** yang mengandungi **gambar calon, lambang / simbol parti dan gambar pemimpin parti** yang diwakilinya .

11. Bahan kempen yang boleh digunakan seperti iklan, surat sebaran, pelekat dan poster **hendaklah mengandungi nama dan alamat pencetak dan penerbitnya KECUALI** bendera, poster simbol parti dan gambar pemimpin parti atau calon yang bertanding.
12. Bahan kempen yang mengandungi perkataan-perkataan yang boleh **mengembangkan perasaan jahat, berunsur perkauman dan menyentuh sensitiviti keagamaan atau hasutan yang boleh mendatangkan permusuhan adalah TIDAK DIBENARKAN.**
13. SPR juga berharap agar aktiviti berkempen yang dibenarkan akan berjalan dalam suasana yang penuh harmoni serta mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan.
14. Untuk menyemak maklumat pengundian, sila hubungi **03-8892 7018** yang beroperasi dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam setiap hari sehingga 29 November 2025. Orang ramai turut dinasihati agar sentiasa menyemak fakta dan maklumat berkenaan pilihan raya menerusi laman sesawang SPR di www.spr.gov.my atau menerusi laman media sosial SPR. Sebarang maklumat yang meragukan, mengelirukan atau tidak benar, bolehlah disalurkan menerusi e-mel ke ukk@spr.gov.my.
15. SPR merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua Pegawai Pengurus Pilihan Raya dan pasukan kerana telah menjalankan tanggungjawab dengan lancar pada hari ini.
16. Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, Polis Diraja Malaysia, Majlis

Keselamatan Negara, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Insolvency Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, petugas-petugas media dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan Pilihan Raya Umum (PRU) Dewan Undangan Sabah ke-17.

Sekian, terima kasih

DATO' SRI RAMLAN BIN DATO' HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

15 November 2025 / 24 Jamadilawal 1447H